



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

KPN ANJUR FESTIVAL SENI & SASTERA KANAK-KANAK 2025

Kementerian Perpaduan Negara melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) menganjurkan **Festival Seni & Sastera Kanak-Kanak 2025** pada **8 dan 9 Oktober 2025** bertempat di Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Bertemakan “**Memartabatkan Perpaduan Dalam Sastera Kanak-Kanak**”, festival ini menjadi wadah penting dalam **memperkuh semangat perpaduan dan keharmonian dalam kalangan generasi muda melalui dunia seni dan sastera**. Penganjuran festival ini juga seiring dengan dua inisiatif utama Kerajaan MADANI, iaitu **Bulan Bahasa Kebangsaan** di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan **Kempen Malaysia Membaca** di bawah Kementerian Perpaduan Negara (KPN), yang kedua-duanya menekankan kepentingan bahasa, budaya ilmu dan semangat kebersamaan rakyat Malaysia.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata “**kanak-kanak merupakan asas kepada pembinaan Negara Bangsa yang berteraskan nilai kasih sayang, saling menghormati dan muhibah**. Melalui bahasa dan sastera, nilai-nilai murni dapat dipupuk sejak usia kecil bagi membentuk generasi yang berfikiran terbuka, berjiwa harmoni serta menghargai kepelbagaian budaya bangsa”.

Festival ini turut mengetengahkan pelbagai pengisian bermanfaat seperti sesi ilmu seni dan sastera, pertandingan bercerita, tarian serta deklamasi sajak kanak-kanak, selain sesi bercerita bersama pencerita, aktiviti didik hibur, bengkel interaktif dan pameran agensi. Penganjuran ini bukan sahaja mengasah bakat dan kreativiti kanak-kanak, tetapi juga menggalakkan interaksi antara kaum dalam suasana yang ceria dan penuh nilai perpaduan.

Dengan penglibatan pelbagai kaum dan bahasa, festival ini melambangkan citra Malaysia yang kaya dengan warisan serta semangat harmoni dalam kepelbagaian.

Kementerian Perpaduan Negara

5 Oktober 2025

KPN.100-9/1/16 (84)